

Headline	Tanam semula teratai		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 Oct 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	4	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	830 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,555
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,665



agro



MOHD. GHAZALI HASAN menunjukkan pokok teratai yang ditanam semula tumbuh dengan baik.

# Tanam semula teratai

Elak kepupusan, indahkan tasik tarik pelancong

**B**AGI meneruskan kesinambungan populasi tumbuhan teratai di pinggir tasik, penanaman semula teratai perlu dijalankan untuk menentukan kehidupan tumbuhan tersebut sentiasa berterusan.

Pelbagai kaedah boleh dilaksanakan untuk memulihara tumbuhan teratai antaranya adalah memperkenalkan semula tumbuhan tersebut.

Menurut Pegawai Penyelidik, Bahagian Perhutanan dan Alam Sekitar, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Mohd. Ghazali Hasan teratai tumbuh subur di dalam air yang cetek dengan dasar yang berlumpur.

"Biar pun kelihatan mudah untuk membiak, teratai sebenarnya merupakan tumbuhan akuatik yang sangat sensitif.

"Pelbagai faktor sama ada semula jadi mahupun akibat kecuai manusia boleh menyebabkan kepupusan teratai di dalam tasik," ujarnya ketika ditemui dalam Bengkel Penyediaan Stok Tanaman Untuk Penanaman Tumbuhan Darat dan Akuatik anjuran FRIM di Tasik Chini, Pahang baru-baru ini.

Antara faktor semula jadi yang boleh menyebabkan kepupusan teratai adalah turun naik paras air secara mendadak akibat kemarau serta banjir yang menenggelamkan tumbuhan tersebut dalam jangka masa yang lama.

Jelas Mohd. Ghazali, selain itu, perbuatan vandalisme pengunjung juga menyumbang kepada kemusnahan populasi teratai di dalam tasik.

Tasik Chini merupakan antara kawasan tumpuan pelancong untuk melihat keindahan teratai yang menjalar bebas di



PESERTA mencari benih pokok teratai dalam bengkel penyediaan stok tanaman untuk penanaman tumbuhan darat dan akuatik di Lembaga Tasik Chini, Pekan, Pahang baru-baru ini.

dalamnya.

Bagaimana pun keindahan bunga teratai di sana telah berkurangan akibat banjir besar yang berlaku pada tahun lalu.

Situasi tersebut sekiranya dibiarkan akan menyebabkan populasi teratai semakin menurun sekali gus boleh pupus.

Oleh yang demikian, usaha konservasi telah dilaksanakan bagi mengembalikan populasi teratai seperti sediakala.

Selaku penyelidik, Mohd. Ghazali telah mencari formula khas untuk membiakkannya semula dan berjaya menemui teknik khas untuk tujuan tersebut.

Ujarnya, sama seperti kaedah

penanaman teratai yang dilakukan untuk tujuan hiasan, anak benih teratai akan disemai di tapak semaian terlebih dahulu. "Di sini kita menggunakan pasu yang direndam dalam air kerana seperti yang kita ketahui teratai adalah tumbuhan akuatik dan memerlukan banyak air.

"Anak benih teratai yang diambil daripada sumber liar mempunyai kadar kelangsungan hidup yang rendah justeru tumbuhan tersebut perlu disemai di nurseri terlebih dahulu sehingga mampu hidup," katanya.

Setelah berjaya membesar dengan baik, pokok teratai akan dipindahkan ke habitat asal atau mana-mana kawasan tasik yang hendak dipulihara.

Teratai akan dikeluarkan daripada pasu dengan cara menterbalikkannya ketika separuh pasu tersebut ditenggelami air. Ini kerana untuk mengelakkan gumpalan akar teratai yang telah terbina tidak mengalami kerosakan.

Gumpalan akar teratai yang telah dikeluarkan tersebut perlu diampu secara berhati-hati secara menegak.

Seterusnya, keseluruhan gumpalan akar teratai akan dibenamkan ke dalam lumpur sepenuhnya menggunakan tangan secara perlahan-lahan.

Apa yang perlu dipastikan adalah daun teratai perlu menghadap ke atas permukaan air.

Teratai yang ditanam perlu diberi baja jenis tenggelam untuk beberapa ketika sebelum tumbuhan tersebut mula membiak.

"Tumbuhan ini mudah membiak jika berada di habitat bersesuaian dan dalam jangka masa dua hingga tiga bulan teratai yang ditanam sudah berkembang biak dengan baik.

"Pucuk muda atau sulurnya akan menjalar terlebih dahulu untuk membentuk daun sebelum menghasilkan bunga," katanya.

Di Tasik Chini, Mohd. Ghazali terpaksa membawa benih teratai dari luar berikutan teratai yang sedia ada telah pupus akibat ditenggelami banjir.

Untuk memastikan teratai dapat berkembang dengan lebih baik, setiap benih akan ditanam pada kadar jarak yang agak jauh diantar satu sama lain.

Dijangkakan, teratai yang ditanam akan mula menyesuaikan diri selepas ditanam di dalam jangka masa yang terdekat dan perkembangannya boleh dilihat menerusi keaktifan sulurnya bergerak.

Di tasik tersebut, Mohd. Ghazali turut memperkenalkan beberapa spesies teratai baharu yang berasal dari luar negara seperti Kemboja untuk melihat kesuaiannya.

Ternyata kaedah penanaman yang dipraktikkan tersebut berhasil dan kini teratai di Tasik Chini kini sedang dalam proses berkembang biak dan pulih seperti sedia kala.

## Info teratai:

Alam: Tumbuhan.

Divisi: Angiosperma.

Order: Proteales.

Famili: Nelumbonaceae.

Genus: Nelumbo.

Nama saintifik: *Nelumbo nucifera*.

